

UMUM



KWSP
EPF

SOALAN-SOALAN LAZIM BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM



Disediakan Oleh:

Jawatankuasa Kerja Caruman Minimum

Jabatan Penguatkuasaan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



09 OKTOBER 2018

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

Isi Kandungan

1. Apakah maksud Caruman Minimum?.....	3
2. Bilakah Caruman Minimum mula berkuatkuasa?.....	3
3. Mengapa Caruman Minimum diperkenalkan?.....	3
4. Siapakah yang berhak menerima Caruman Minimum?.....	3
5. Adakah pengkhidmat awam juga terlibat dalam pelaksanaan Caruman Minimum?.....	4
6. Apakah kelebihan Caruman Minimum jika dilaksanakan dan bagaimana ia membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik?	4
7. Apakah Caruman Minimum yang terpakai?	4
8. Bolehkah majikan membayar caruman yang lebih rendah daripada Caruman Minimum jika pekerja mereka bersetuju?.....	5
9. Adakah Caruman Minimum berbeza mengikut lokasi pekerjaan?.....	5
10. Apakah tanggungjawab majikan selaras dengan pelaksanaan Caruman Minimum?.....	5
11. Apakah tanggungjawab pekerja/ahli KWSP sekiranya majikan tidak mematuhi pelaksanaan Caruman Minimum?	5
12. Apakah tindakan yang akan dikenakan kepada majikan sekiranya gagal menepati pelaksanaan Caruman Minimum?	6
13. Adakah semua sektor industri pekerjaan di Malaysia terlibat dalam pelaksanaan Gaji Minimum dan Caruman Minimum?	6
14. Adakah pengecualian diberikan kepada sektor-sektor industri tertentu? Jika ada, apakah sektor itu?	6
15. Apakah peruntukan dalam Akta KWSP yang telah diwartakan berkenaan pelaksanaan Caruman Minimum berdasarkan Perintah Gaji Minimum?	6

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

16. Adakah majikan telah dimaklumkan mengenai pelaksanaan permulaan gaji minimum dan apakah hukuman yang bakal dihadapi oleh majikan sekiranya tidak mengikut gaji minimum yang telah ditetapkan? 7
17. Adakah pekerja yang digaji secara harian atau jumlah jam bekerja terlibat dengan Pelaksanaan Caruman Minimum? 7
18. Apakah kaedah yang akan digunakan bagi mengelak manipulasi dari majikan berkenaan Caruman Minimum? 7
19. Adakah majikan telah dimaklumkan tentang pelaksanaan Caruman Minimum? 7
20. Adakah pemegang kad UNHCR yang digajikan oleh majikan terikat di bawah pelaksanaan Caruman Minimum? 8
21. Adakah majikan akan menerima sebarang pelepasan berkenaan Perintah Gaji Minimum 2016? 8
22. Sekiranya pekerja mula bekerja atau berhenti kerja tidak mencukupi kiraan 1 bulan gaji adakah majikan masih perlu mencarum berdasarkan Caruman Minimum? 8
23. Bagi majikan yang telah bayar terkurang, adakah perbezaan itu perlu ditanggung oleh majikan. Adakah majikan boleh menolak gaji semasa untuk tempoh 6 bulan terbelakang? 8
24. Dimanakah pelanggan KWSP boleh mendapatkan sebarang pertanyaan atau khidmat nasihat mengenai pelaksanaan Caruman Minimum? 9

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

1. Apakah maksud Caruman Minimum?

Jawapan : Caruman Minimum adalah caruman yang dibuat berdasarkan Gaji Minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) selaras dengan peruntukan seksyen 43(1A) Akta KWSP 1991.

2. Bilakah Caruman Minimum mula berkuatkuasa?

Jawapan : Caruman Minimum mula berkuatkuasa pada 01 Januari 2019 (Gaji Januari 2019 bagi caruman Februari 2019).

3. Mengapa Caruman Minimum diperkenalkan?

Jawapan : Caruman Minimum ditetapkan selaras dengan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum berdasarkan penetapan yang dibuat oleh Majlis Konsultansi Gaji Negara (MKGK).

4. Siapakah yang berhak menerima Caruman Minimum?

Jawapan : Semua pekerja di sektor swasta yang mempunyai kontrak perkhidmatan dengan majikan adalah berhak menerima Caruman Minimum.

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

5. Adakah pengkhidmat awam juga terlibat dalam pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Terpakai bagi pengkhidmat awam berskim KWSP dan belum diserapkan dalam skim berpencen.

6. Apakah kelebihan Caruman Minimum jika dilaksanakan dan bagaimana ia membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik?

Jawapan : Antara kelebihan Caruman Minimum adalah seperti berikut:-

- a. Pekerja menikmati kadar caruman yang lebih tinggi.
- b. Pekerja yang mempunyai pendapatan kurang daripada Gaji Minimum tetapi masih mendapat kadar caruman yang lebih tinggi.
- c. Selari dengan objektif Gaji Minimum yang antaranya ialah membantu dan melindungi hak-hak pekerja-pekerja.

7. Apakah Caruman Minimum yang terpakai?

Jawapan : Caruman Minimum yang terpakai adalah berdasarkan kepada Jadual Gaji Minimum yang ditetapkan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) dan tertakluk kepada Jadual Ketiga KWSP.

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

8. Bolehkah majikan membayar caruman yang lebih rendah daripada Caruman Minimum jika pekerja mereka bersetuju?

Jawapan : Tidak boleh. Sebarang perjanjian yang bertentangan dengan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) dan Akta KWSP 1991 adalah terbatal.

9. Adakah Caruman Minimum berbeza mengikut lokasi pekerjaan?

Jawapan : Tidak.

10. Apakah tanggungjawab majikan selaras dengan pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Majikan hendaklah mencarum berdasarkan Gaji Minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) berkuatkuasa pada 01 Januari 2019 dan tertakluk kepada Jadual Ketiga Akta KWSP 1991.

11. Apakah tanggungjawab pekerja/ahli KWSP sekiranya majikan tidak mematuhi pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Pekerja/ahli boleh melaporkan ketidakpatuhan majikan kepada KWSP.

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

12. Apakah tindakan yang akan dikenakan kepada majikan sekiranya gagal menepati pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Berdasarkan Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991, majikan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya.

13. Adakah semua sektor industri pekerjaan di Malaysia terlibat dalam pelaksanaan Gaji Minimum dan Caruman Minimum?

Jawapan : Ya. Semua sektor industri pekerjaan (majikan swasta) di Malaysia terlibat.

14. Adakah pengecualian diberikan kepada sektor-sektor industri tertentu? Jika ada, apakah sektor itu?

Jawapan : Tiada.

15. Apakah peruntukan dalam Akta KWSP yang telah diwartakan berkenaan pelaksanaan Caruman Minimum berdasarkan Perintah Gaji Minimum?

Jawapan : Peruntukan Akta KWSP 1991 di bawah Seksyen 43(1A).

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

16. Adakah majikan telah dimaklumkan mengenai pelaksanaan permulaan Gaji Minimum dan apakah hukuman yang bakal dihadapi oleh majikan sekiranya tidak mengikut Gaji Minimum yang telah ditetapkan?

Jawapan : Sila rujuk FAQ Gaji Minimum yang diedarkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

17. Adakah pekerja yang digaji secara harian atau jumlah jam bekerja terlibat dengan Pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Ya. Sila rujuk laman web Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

18. Apakah kaedah yang akan digunakan bagi mengelak manipulasi dari majikan berkenaan Caruman Minimum?

Jawapan : Penguatkuasaan kepada kepatuhan Caruman Minimum akan dilaksanakan melalui khidmat dan nasihat serta lawatan ke premis majikan (Pemeriksaan Rutin).

19. Adakah majikan telah dimaklumkan tentang pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Pemakluman dikeluarkan kepada majikan melalui Notis Makluman kepada majikan dan laman web KWSP mulai November 2018.

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

20. Adakah pemegang kad UNHCR yang digajikan oleh majikan terikat di bawah pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Kumpulan ini tidak dikategorikan di bawah definisi pekerja.

21. Adakah majikan akan menerima sebarang pelepasan berkenaan Perintah Gaji Minimum?

Jawapan : Tiada

22. Sekiranya pekerja mula bekerja atau berhenti kerja tidak mencukupi kiraan 1 bulan gaji adakah majikan masih perlu mencarum berdasarkan Caruman Minimum?

Jawapan : Ya. Sekiranya pekerja dibayar gaji secara bulanan, pengiraan adalah mengikut bilangan hari sebenar beliau bekerja berdasarkan Gaji Minimum bulanan.

23. Bagi majikan yang telah bayar terkurang, adakah perbezaan itu perlu ditanggung oleh majikan. Adakah majikan boleh menolak gaji semasa untuk tempoh 6 bulan terbelakang?



SOALAN-SOALAN LAZIM
BERHUBUNG CARUMAN MINIMUM

Jawapan : Majikan tidak boleh mendapatkan kembali caruman dari upah pekerja tertakluk kepada Seksyen 48 (4) Akta KWSP 1991.

24. Dimanakah pelanggan KWSP boleh mendapatkan sebarang pertanyaan atau khidmat nasihat mengenai pelaksanaan Caruman Minimum?

Jawapan : Semua saluran perhubungan KWSP termasuk CMC, laman web KWSP dan Cawangan KWSP terdekat.